



KENYATAAN SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA NO: MAQIS.(S)400-10/12/74)

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempoh bagi menyertai sebut harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kelayakan	Tarikh Iklan Dan Tutup Sebut Harga
MAQIS.(S)400-10/12/74	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN UBAHSUAI RUANG PEJABAT NUKLEUS MAREA DI JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS), ARAS 3, PODIUM 1B, MENARA 4G1, WISMA TANI	<p>a) Terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini.</p> <p>b) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam Gred G2, Kategori B28 dan CE21 yang masih sah tempoh.</p> <p>c) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh.</p>	<p>a) Iklan dibuka pada 5 Julai 2025</p> <p>b) Iklan ditutup pada 16 Julai 2025</p> <p>Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 9 Julai 2025 (Rabu) jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat BKP MAQIS, Aras 3, Podium 1B, Menara 4G1, Wisma Tani.</p> <p>Pendaftaran untuk taklimat dibuka sehingga jam 9.59 pagi sahaja. Pendaftaran yang lewat dari masa ditetapkan tidak akan disenaraikan dalam senarai kehadiran.</p> <p>TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN</p>

1. Dokumen-dokumen dan Borang Sebut Harga akan dikeluarkan dengan harga RM10 kepada penyebut harga yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja dalam bentuk softcopy yang dihantar ke alamat e-mel penyebut harga yang didaftar semasa sesi taklimat. Bagi penjelasan lanjut berhubung taklimat, boleh hubungi pegawai MAQIS di talian 03-8870 1972.
2. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan hanya **PEMILIK SYARIKAT yang DIBENARKAN** dengan mengemukakan Kad Pengenalan untuk pengesahan. Kegagalan mematuhi arahan ini mengakibatkan pihak tuan tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.
3. Dokumen Sebut Harga mestilah sampai ke alamat **Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Aras 3, Blok Podium 1B, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 16 Julai 2025 (Rabu) dan hendaklah sah selama Sembilan Puluh (90) hari selepas itu. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "**SEBUT HARGA NO: MAQIS.(S)400-10/12/74**". Dokumen yang diterima lewat, **tidak akan dipertimbangkan**. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah **tidak dibenarkan dan tidak akan dipertimbangkan**.